

Cabaran dan Impak Pensijilan Profesional Industri dan Antarabangsa di Malaysia

Perunding: UKM Pakarunding Sdn. Bhd (2022)

Abstrak

Pertambahan penawaran sijil profesional industri dan antarabangsa di Malaysia di lihat sebagai satu alternatif yang mampu menyokong mobiliti masyarakat (geografi dan profesional) sekiranya dilaksanakan seiring dengan polisi / dasar yang lain. Pada masa yang sama, pensijilan profesional kini mula mendapat pengiktirafan pelbagai agensi sebagai daya menarik minat golongan bekerja meningkatkan kemahiran sedia ada seterusnya menyumbang kepada bilangan tenaga mahir negara. Oleh yang demikian, kajian tentang cabaran dan impak pensijilan profesional industri dan antarabangsa di Malaysia ini dijalankan bagi mencadangkan pelan tindakan penyelarasan antara pensijilan profesional industri dan antarabangsa dengan Pensijilan Kemahiran Malaysia ke arah pensijilan bersepadu. Strategi penyelidikan kualitatif yang digunakan untuk kajian ini adalah kaedah kajian kes yang disokong oleh data kuantitatif. Data kualitatif telah dianalisis menggunakan perisian Atlas ti, manakala data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian Winstep. Kajian ini mengenal pasti definisi pensijilan profesional dan hasil dapatan menunjukkan terdapat 20 elemen Sijil Profesional (SP) yang perlu dipertimbangkan bagi menggambarkan pensijilan profesional di Malaysia yang terbahagi kepada tiga kategori. Sebanyak 373 pensijilan profesional industri dan antarabangsa yang ditawarkan dalam 21 bidang industri utama berdasarkan TVET di Malaysia telah dikenalpasti. Kajian turut meneroka faktor-faktor penyertaan individu, pemilihan institusi dan penerimaan industri bagi memperoleh sijil profesional industri dan antarabangsa. Perbandingan di antara Pensijilan Profesional Industri dan Antarabangsa dengan Pensijilan Kemahiran Malaysia bagi bidang-bidang terpilih dari segi kandungan kurikulum, tempoh latihan, yuran latihan, jaminan kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta komposisi penilaian telah dilaksanakan. Seterusnya, implikasi Pensijilan Profesional Industri dan Antarabangsa terhadap Pensijilan Kemahiran Malaysia dalam kalangan pekerja industri dibincangkan. Akhirnya kajian ini mencadangkan kerangka tindakan dan pelan tindakan penyelarasan penawaran pensijilan profesional industri dan antarabangsa. Satu pelan tindakan dirangka sebagai panduan dalam melaksanakan penawaran pensijilan yang holistik. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa Pensijilan Profesional Industri dan Antarabangsa boleh diintegrasikan dengan Pensijilan Kemahiran Malaysia ke arah penawaran pensijilan bersepadu.